

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN
KETIGA BELAS(2014)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**
TARIKH : **9 JUN 2014 [ISNIN]**

SOALAN:

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk meningkatkan kesedaran mengenai konsep korban sebenar kepada rakyat dengan menggalakkan korban peribadi, sekaligus tidak menggalakkan sumbangan lembu dan sebagainya oleh institusi sama ada Kerajaan, swasta ataupun NGO semasa perayaan Aidil Adha kerana ianya menyumbang kepada ekspektasi yang tinggi oleh rakyat kepada institusi selama ini yang nampaknya menghakis budaya dan konsep ibadah korban yang sebenar.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Penjelasan tentang konsep ibadah korban dan kelebihan individu yang melaksanakan ibadah ini sebagai satu tanda ketaatan di atas perintah Allah SWT sentiasa diwar-warkan dalam media menjelang musim korban.

Kefahaman tentang konsep korban di kalangan masyarakat Islam telahpun jelas. Bahkan banyak dalil daripada Al-Quran dan Hadis serta Ijmak yang menyebutkan tentang pensyariatian ibadah korban ini.

Dalam hal ini, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) termasuk pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) Islam sentiasa memberikan galakan dan dorongan kepada masyarakat umum mengenai kelebihan melaksanakan ibadah korban. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah dengan mengadakan siri ceramah, seminar dan diskusi agama serta program Penerapan Nilai-Nilai Islam kepada agensi-agensi Kerajaan dan masyarakat Islam serta khutbah solat Jumaat.

Di samping itu, JAKIM juga telah menyediakan **Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban Menurut Perspektif Islam** yang disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada individu yang hendak melaksanakan ibadah korban dan pihak yang hendak menguruskan ibadah tersebut.

Sekian, terima kasih.